



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PANDUAN PENDAFTARAN CALON

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2024

**UNTUK KEGUNAAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH/
SEKOLAH/INSTITUSI/CALON**

KEMASKINI : 10 APRIL 2023

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
1. Tarikh-Tarikh Penting Pendaftaran Calon STPM 2024	3 - 4
2. Syarat kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan	5
3. Mata Pelajaran yang Ditawarkan	6
4. Pemilihan Mata Pelajaran	7
5. Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM	7 - 9
6. Tukar/Tambah/Gugur Mata Pelajaran STPM	9 - 11
7. Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya	11 - 12
8. Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM	12 - 14
9. Pambetulan Maklumat	14
10. Pusat Peperiksaan STPM	15
11. Jadual Waktu Peperiksaan	15
12. Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM	15 - 16
13. Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM	16
14. Penangguhan Peperiksaan STPM	17
15. Penyakit Berjangkit	18
16. Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK)	18
17. Kerja Kursus STPM	18 - 19
18. Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan)	19 - 20
19. Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester	20 - 21
20. Pambetulan Markah Kerja Kursus (KK) STPM	21
21. Sijil STPM	21 - 22

1. TARIKH-TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON STPM 2024 (Semester 1)

Bil.	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
1	1 Ogos 2023	1 Ogos 2023	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi peperiksaan STPM 2023 secara dalam talian dibuka .
2	30 Ogos 2023	30 Ogos 2023	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi peperiksaan STPM 2023 secara dalam talian ditutup .
3	30 September 2023	30 September 2023	Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan(Buta/Rabun),Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [STPM/K13(Pindaan 2021)] diterima (jika ada).
4	30 Oktober 2023	30 Oktober 2023	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa Dari Segi Penglihatan (Buta) (STPM/K11.1) dan borang Maklumat Calon Istimewa Dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [STPM/K13(Pindaan 2021)]
5	22 Disember 2023	22 Disember 2023	Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) Semester 1 (S1) dimuatnaik ke portal Majlis Peperiksaan malaysia, http://www.mpm.edu.my untuk disemak dan dicetak oleh Setiausaha Peperiksaan (SUP) Sekolah/Institusi.
6	5 Januari 2024	5 Januari 2024	Tarikh akhir SUP mengemukakan salinan pembetulan maklumat calon dalam LPKC S1 kepada MPM (tertakluk kepada tarikh LPKC S1 dimuat naik ke portal MPM, ia percuma jika dalam tempoh 14 hari dari tarikh muat naik LPKC)
7	22 Disember 2023	22 Disember 2023	Penghantaran Rumusan Kemasukan Calon (RKC/P) S1 dan slip meja oleh MPM ke Jabatan Pelajaran Negeri.
8	22 Disember 2023	22 Disember 2023	Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat peperiksaan.
9	30 Oktober 2023	30 Oktober 2023	Tarikh akhir permohonan untuk menukar mata pelajaran, tambah mata pelajaran, dan menggugurkan mata pelajaran. (Berbayar mulai 1 Sept 2023)

<i>Bil</i>	<i>Tarikh bagi jenis calon</i>		<i>Perkara</i>
	<i>Sekolah/Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)</i>	<i>Persendirian Individu (Calon jenis 3)</i>	
10	30 Oktober 2023	30 Oktober 2023	Tarikh akhir permohonan tukar dan tambah mata pelajaran tanpa caj.
11	15 Feb 2024 Dalam tempoh dua minggu selepas pengajaran dan pembelajaran (P&P) semester 2 bermula.	15 Feb 2024 Dalam tempoh dua minggu selepas pengajaran dan pembelajaran (P&P) semester 2 bermula.	Tarikh akhir tambah mata pelajaran pada semester 2 STPM 2024.

* Perubahan tarikh tertakluk kepada pindaan

2. SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN STPM

- 2.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut:
- (a) Lulus Bahasa Melayu* SPM sekurang-kurangnya gred P8 tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya.
 - (b) Lulus Bahasa Melayu* SPM dengan sekurang-kurangnya gred E tahun 2000 hingga 2012
 - (c) Lulus SPM tahun 2013 hingga tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah*
 - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
 - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus sekurang-kurangnya gred E **empat** mata pelajaran
 - (d) *GCE/SAP* (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa** yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
- 2.2 Calon sekolah swasta/persendirian individu, bukti kelulusan SPM di atas akan disemak oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Sekiranya tidak menepati kelayakan, pendaftaran calon akan dibatalkan.
- 2.3 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negeri yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada MPM.

-
- Catatan:**
- * Calon boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Sejarah yang diambil dalam peperiksaan SPM ulangan
 - ** Kelulusan peringkat biasa *GCE/SAP* bermakna kepujian pada peringkat SPM/MCE.

3. MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

Sebanyak 23 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2024, iaitu seperti yang disenaraikan di bawah ini.

<i>Bil.</i>	<i>Kod</i>	<i>Mata Pelajaran</i>
1.	900	Pengajian Am
2.	910	Bahasa Melayu
3.	911	Bahasa Cina
4.	912	Bahasa Tamil
5.	913	Bahasa Arab
6.	920	Literature in English
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8.	930	Syariah
9.	931	Usuluddin
10.	932	Tahfiz Al Quran
11.	940	Sejarah
12.	942	Geografi
13.	944	Ekonomi
14.	946	Pengajian Perniagaan
15.	948	Perakaunan
16.	950	<i>Mathematics (M)</i>
17.	954	<i>Mathematics (T)</i>
18.	958	<i>Information and Communications Technology</i>
19.	960	<i>Physics</i>
20.	962	<i>Chemistry</i>
21.	964	<i>Biology</i>
22.	966	Sains Sukan
23.	970	Seni Visual

Catatan: Maklumat lanjut sila rujuk Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan bagi tujuan pemilihan mata pelajaran dan kertas yang dipilih yang boleh didapati dan dimuat turun daripada portal MPM.

4. PEMILIHAN MATA PELAJARAN

- 4.1 Sijil STPM merupakan sijil terbuka.
- 4.2 Dalam satu sesi peperiksaan calon boleh mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dan selebih-lebihnya lima mata pelajaran. Jika calon mengambil lima atau empat mata pelajaran, satu daripadanya mestilah **Pengajian Am**.
- 4.3 Calon tidak boleh mengambil kombinasi bagi sesuatu mata pelajaran atau kertas yang tidak dibenarkan oleh sukatan pelajaran peperiksaan.
- 4.4 Calon jenis 1, 7, dan 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas peperiksaan alternatif bertulis** yang menggantikan KK. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada JPN berkenaan perkara ini. Pendaftaran calon yang ingin mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi hendaklah dihantar terus oleh Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) sebelum tarikh tutup pendaftaran semester 1 dan salinan ke JPN. Sekolah **tidak dibenarkan** meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga **mendapat kelulusan MPM**.
- 4.5 Maklumat lanjut yang berkaitan dengan pemilihan mata pelajaran dan kertas yang perlu diambil boleh dirujuk dalam Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2024 dan sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan di portal MPM, <http://www.mpm.edu.my>.

5 Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM

- 5.1 Pemakluman tentang tarikh pendaftaran peperiksaan STPM dibuka dan ditutup boleh dirujuk pada Kalendar Peperiksaan STPM di portal rasmi MPM, <http://www.mpm.edu.my>, *Facebook* rasmi MPM (Majlis Peperiksaan Malaysia), dan *Instagram* rasmi MPM (majlispeperiksaan).
- 5.2 Calon yang mengambil peperiksaan ini terbahagi kepada lima jenis seperti yang berikut:
 - (a) Calon jenis 1, iaitu calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan
 - (b) Calon jenis 2, iaitu calon sekolah swasta
 - (c) Calon jenis 3, iaitu calon persendirian individu
 - (d) Calon jenis 4, iaitu calon persendirian individu yang memperbaiki keputusan peperiksaan tahun sebelum
 - (e) Calon jenis 7, iaitu calon sekolah agama kerajaan negeri
 - (f) Calon jenis 8, iaitu calon sekolah integriti
- 5.3 Semua calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 dikehendaki mendaftar **sekali sahaja**, iaitu dalam Semester 1, untuk menduduki peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga semester. Calon dibenarkan mengambil maksima sehingga **lima** mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Mata pelajaran Pengajian Am **wajib** diambil untuk **permohonan ke universiti awam dan pengiraan Purata Nilai Gred (PNGK) STPM**.

- 5.4 Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **tidak** boleh menukar status jenis calon ke jenis 2 (sekolah swasta) atau jenis 3 (persendirian individu) **tanpa kebenaran daripada MPM. Sekolah** mesti menulis surat kepada MPM memaklumkan perkara ini. Disebabkan yuran bagi STPM adalah percuma kepada calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8, maka calon yang telah diluluskan menukar status ke jenis 2 atau jenis 3 **mesti** membayar yuran kepada MPM terlebih dahulu. Permohonan untuk menukar status ke calon jenis 3 hendaklah dikemukakan ke MPM **selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum peperiksaan Semester 2. Calon tidak dibenarkan menukar status pada semester 3.**
- 5.5 Calon jenis 2 dan jenis 3 boleh mendaftar pada Semester 1 atau Semester 2. Jika calon jenis 2 dan jenis 3 mendaftar pada Semester 1, calon akan menduduki peperiksaan STPM Semester 1, Semester 2, dan Semester 3. Sekiranya calon mendaftar pada Semester 2, calon boleh menduduki peperiksaan dalam Semester 2 atau menduduki peperiksaan sekali gus pada Semester 3 (peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2).
- 5.6 Bayaran yuran* untuk mengambil peperiksaan ini adalah seperti yang berikut:
- | | |
|---|----------|
| (a) Yuran Asas | RM120.00 |
| (b) Yuran setiap mata pelajaran | RM90.00 |
| (c) Caj mengulang peperiksaan bertulis per kertas | RM50.00 |
- 5.7 Bayaran yuran bagi calon yang menukar status daripada calon jenis 1, jenis 7, atau jenis 8 kepada calon sekolah jenis 2 atau jenis 3 adalah seperti yang berikut:
- | | |
|--|----------|
| (a) Yuran Asas | RM120.00 |
| (b) Yuran setiap mata pelajaran per semester | RM30.00 |
- 5.8 Bagi calon **jenis 2** dan **jenis 3**, bayaran yuran STPM hendaklah dijelaskan **sekali gus** semasa membuat pendaftaran. Calon akan mendapat keputusan peperiksaan dengan kod **W**, sekiranya yuran peperiksaan **tidak** dijelaskan sepenuhnya.
- 5.9 Pendaftaran masuk peperiksaan bagi **semua jenis calon** dibuat secara dalam talian. Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon dikehendaki melayari portal MPM <https://online.mpm.edu.my> bagi tujuan pendaftaran.
- 5.10 Bagi calon jenis 2 dan 3 pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui pautan berikut: <https://daftarstpm.mpm.edu.my/>

Nota:

* Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan **dikecualikan** daripada membayar yuran STPM. Walau bagaimanapun, semua calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis bagi sesuatu semester, calon akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00 per kertas**.

- 5.10 Bagi calon yang tidak memiliki kad pengenalan atau tidak boleh didaftarkan secara dalam talian. Pendaftaran hendaklah di buat secara manual ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET)
- 5.11 Bagi calon jenis 2, Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil oleh calon sekolahnya dengan membeli nombor **PIN MEC** (nombor PIN *Malaysian Examinations Council*) bagi setiap calon **secara dalam talian melalui <https://mypay.com.my/web/mpm>**.
- Calon dinasihatkan merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35 (Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan Edisi Tahun 2024) sebelum membeli PIN MEC.
- 5.12 PIN MEC juga boleh dibeli di kaunter BSN secara pukal oleh Setiausaha Peperiksaan (SUP) sahaja.
- 5.13 Bagi calon jenis 3, calon dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil dengan dengan membeli nombor PIN MEC (nombor PIN *Malaysian Examinations Council*) secara dalam talian <https://mypay.com.my/web/mpm>.
- Calon dinasihatkan merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35 (Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan Edisi Tahun 2024) sebelum membeli PIN MEC.
- 5.14 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM hanya dibuka pada Semester 1 dan Semester 2 sahaja (sila rujuk Kalendar Peperiksaan STPM di portal MPM)*. PIN MEC yang dibeli (merangkumi pendaftaran STPM untuk Semester 1, Semester 2, dan Semester 3) hanya boleh digunakan untuk pendaftaran peperiksaan STPM pada semester **tahun semasa sahaja** (PIN MEC yang dibeli untuk pendaftaran STPM pada Semester 1 akan tamat tempohnya pada tarikh tutup pendaftaran Semester 1. Calon yang ingin mendaftar STPM pada Semester 2 hendaklah membeli PIN MEC pada Semester 2).
- 5.15 Pendaftaran calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 bagi mata pelajaran di luar pakej sekolah mesti mendapat kelulusan daripada MPM. **Pendaftaran** mata pelajaran **di luar pakej sekolah** hanya dibenarkan untuk mata pelajaran yang mempunyai **kertas alternatif bertulis sahaja**.
- 5.16 Permohonan untuk mengambil mata pelajaran di luar pakej sekolah hendaklah dihantar ke MPM melalui Pengetua Sekolah/Institusi dan salinan permohonan hendaklah dihantar kepada Jabatan Pendidikan Negeri (**u.p.Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**).

Nota:

* Pendaftaran pada Semester 2 hanya terhad kepada calon jenis 2 dan calon jenis 3 sahaja.

6 Tukar/Tambah/Gugur Mata Pelajaran STPM

- 6.1 Tukar/Tambah/Gugur mata pelajaran hanya dibenarkan pada semester calon membuat pendaftaran, iaitu sama ada pada Semester 1 (semua jenis calon) atau Semester 2 (calon sekolah swasta/persendirian individu). Yuran bagi mata pelajaran yang digugurkan/ditukar tidak akan dikembalikan.

- 6.2 Jika calon telah mendaftar bagi sesuatu mata pelajaran dan ingin menukar mata pelajaran itu dengan mata pelajaran yang lain **selepas tamat tempoh pendaftaran**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu semester yang berkenaan. Penukaran mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada semester calon membuat pendaftaran sahaja**. Penukaran mata pelajaran **selepas dua bulan** daripada tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.
- 6.3 Penambahan mata pelajaran dibenarkan sekiranya calon belum mendaftar sehingga lima mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran boleh dibuat pada Semester 1 atau pada Semester 2.
- 6.4 Tarikh akhir permohonan calon yang ingin menambah mata pelajaran perlu diterima di MPM adalah selewat-lewatnya **dua bulan dari tarikh tutup pendaftaran Semester 1**, manakala tarikh akhir permohonan menambah mata pelajaran pada Semester 2, perlu diterima di MPM adalah **dua minggu selepas pengajian Semester 2 bermula**.
- 6.5 Caj sebanyak **RM50.00** disamping **RM90.00** bagi setiap mata pelajaran yang ditambah akan dikenakan.
- 6.6 Calon yang mendaftar bagi tujuan memperbaiki keputusan keseluruhan disebabkan tidak menerima tawaran ke **IPT** tidak dibenarkan untuk menukar atau menambah mata pelajaran selepas membuat pendaftaran.
- 6.7 Calon tidak dibenarkan untuk menggugurkan mata pelajaran pada Semester 2 dan Semester 3.
- 6.8 Calon jenis 1, jenis 2, jenis 4, jenis 7, dan jenis 8 yang ingin **menukar, menambah atau menggugur mata pelajaran** hendaklah mengemukakan permohonan menggunakan borang **(STPM/K14)** kepada MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan **menghantar salinan permohonan** kepada Pejabat Pendidikan Daerah (u.p.Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan) mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Borang (STPM/K14) boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.
- 6.9 Calon mesti menduduki kesemua kertas yang telah didaftarkan pada setiap semester. Sekiranya calon **tidak menduduki salah satu** kertas pada semester yang berkenaan, keputusan peperiksaan dengan kod **X** akan dikeluarkan pada kertas dan mata pelajaran tersebut. Sekiranya calon tidak menghantar KK atau tidak menduduki kertas alternatif bertulis menggantikan KK (sila rujuk syarat mata pelajaran), keputusan kod **X** juga akan dikeluarkan. Pengiraan PNGK calon juga akan terjejas.
- 6.10 Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM mereka melalui semakan **pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC)** dengan melayari portal MPM. Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap semester calon menduduki peperiksaan dalam tempoh **2 bulan sebelum peperiksaan**.

- 6.11 Calon jenis 2 dan jenis 3 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap semester** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 tidak perlu mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan dan memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.
- 6.12 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. **Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan**) dengan kadar **SEGERA** jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC atau berbeza dengan Penyata Pendaftaran (**STPM/PP**). Permasalahan juga boleh diemelkan ke **stpm@mpm.edu.my**
- 6.13 Calon **tidak dibenarkan** menduduki kertas peperiksaan yang tidak didaftarkan.

7 Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya

- 7.1 Pendaftaran lewat STPM tahun semasa hanya dibenarkan kepada calon STPM tahun sebelum yang gagal mendapat tawaran memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT).
- 7.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat secara dalam talian dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke UA diumumkan. (sila rujuk Kalendar peperiksaan STPM 2025)
- 7.3 Calon yang **mendaftar lewat** bagi kes ini hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester **sekali gus pada Semester 3**, iaitu kertas Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3.
- 7.4 Calon yang mendaftar lewat/ingin memperbaiki keputusan dibenarkan memilih sama ada hendak melaksanakan KK atau tidak melaksanakannya mengikut tiga pilihan yang berikut:
- 7.4.1 Boleh bawa markah KK / kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK tahun lepas ke tahun mengulang. Jika langkau dua tahun atau lebih rujuk perkara (7.7)
- ATAU**
- 7.4.2 Jika tidak memilih perkara 7.4.1. calon mesti menduduki peperiksaan kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK untuk mata pelajaran berikut: Sains Sukan, Geografi, Seni Visual, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, dan Perakaunan.
- 7.4.3 Bagi mata pelajaran selain daripada perkara 7.4.2, calon boleh membuat KK / kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK yang baharu. Markah lama tidak boleh diguna pakai sama sekali walaupun markah baharu kelak lebih rendah daripada markah lama.
- 7.5 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan KK mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35 Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2024). Mekanisme pelaksanaan dan penghantaran KK bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM. Sila hubungi Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, MPM.

- 7.6 Bagi calon jenis 2 dan calon jenis 3 yang **mengambil mata pelajaran baharu** berbanding mata pelajaran tahun **sebelumnya** dan **tiada** markah KK calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut **tidak** menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35 Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2024).
- 7.7 Bagi calon yang pertama kali mengambil STPM sebagai calon persendirian individu (calon jenis 3) ATAU melangkau mengulang lebih dua tahun atau lebih. Calon **MESTI:**
- 7.7.1 Menduduki kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK jika mata pelajaran tersebut menawarkan kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK **ATAU**
- 7.7.2 Melaksanakan KK jika mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK. MPM akan menghubungi calon dan memberi panduan kepada calon.
- Sila rujuk senarai mata pelajaran dan kertas Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan tahun 2024. (ms 30-35)
- 7.8 Calon hendaklah merujuk kepada **Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM** untuk mendapatkan maklumat tentang KK. Manual KK juga boleh dirujuk pada portal MPM.

8 Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM

Pilihan 1

Mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa secara keseluruhan bagi mendapatkan keputusan/Sijil STPM yang baharu mengikut peperiksaan tahun semasa (kaedah sedia ada seperti pada perenggan 4)

- 8.1 Calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa dan boleh mendaftar maksima sehingga lima mata (5) pelajaran. Sekiranya mendaftar empat (4) atau lima mata (5) pelajaran (termasuk mata pelajaran Pengajian Am), Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa. Sekiranya mendaftar satu (1) hingga tiga (3) mata pelajaran sahaja, tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa tanpa PNGK.

Pilihan 2

Mendaftar untuk mengulang mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum (Kaedah baharu)

- 8.2 Calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM pada tahun semasa tetapi hanya dibenarkan mendaftar maksima sehingga tiga (3) mata pelajaran dalam peperiksaan tahun semasa. PNGK adalah berdasarkan gabungan keputusan mata pelajaran dalam peperiksaan tahun sebelum dengan keputusan mata pelajaran tertentu yang didaftarkan untuk diperbaiki pada tahun semasa. Tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun sebelum (asal).

- 8.3 Perincian/Penerangan tentang kaedah mengulang mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum (kaedah baharu) adalah seperti yang berikut:
- 8.3.1 Kaedah ini adalah pilihan calon sendiri secara sukarela
 - 8.3.2 Calon hanya dibenarkan mengambil maksima **tiga (3)** mata pelajaran sahaja. Sekiranya calon hendak mengambil empat (4) mata pelajaran, calon perlu memilih pilihan 1
 - 8.3.3 Calon perlu menduduki semula peperiksaan bagi ketiga-tiga kertas bagi mata pelajaran yang telah didaftarkan. Calon perlu menduduki peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2
 - 8.3.4 Keputusan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) terbaik antara peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan peperiksaan STPM pada tahun memperbaiki akan diambil kira untuk ditampal (*patching*) bagi tujuan pengiraan PNGK yang baharu, tetapi tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan sijil STPM adalah mengikut tahun sebelumnya (tahun asal, bukan tahun semasa memperbaiki)
 - 8.3.5 Slip keputusan memperbaiki akan dikeluarkan sama ada keputusan mata pelajaran yang didaftar adalah lebih baik atau sebaliknya berbanding keputusan mata pelajaran tahun sebelumnya
 - 8.3.6 Sijil STPM yang baharu akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang lebih baik daripada tahun sebelumnya (asal)
Sijil STPM yang baharu **tidak** akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang sama atau lebih rendah daripada NGMP atau PNGK peperiksaan tahun sebelumnya (asal)
 - 8.3.7 Calon yang mendapat keputusan X (Tidak Hadir) atau keputusan Y (keputusan bagi satu mata pelajaran yang dibatalkan kerana sabit kes salah laku) pada tahun sebelumnya, dibenarkan untuk mendaftar mata pelajaran yang terlibat dalam peperiksaan memperbaiki keputusan STPM melalui pilihan ini. Namun demikian, calon yang mendapat keputusan Y, yang **dibatalkan dua atau lebih mata pelajaran tidak dibenarkan** untuk memperbaiki keputusan dengan menggunakan kaedah ini. Calon yang dibatalkan keputusan keseluruhan STPM atau yang digantung daripada menduduki peperiksaan STPM untuk satu tempoh yang ditetapkan juga **tidak** dibenarkan untuk memperbaiki keputusan peperiksaan dengan menggunakan kaedah ini
 - 8.3.8 Calon yang mendapat keputusan X (tidak menghantar Kerja Kursus) dibenarkan mendaftar mata pelajaran yang terlibat dan perlu mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan Kerja Kursus (KK). Bagi mata pelajaran yang tiada kertas alternatif bertulis menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan/menyiapkan KK pada semester yang ditetapkan untuk mata pelajaran tersebut
 - 8.3.9 Kaedah pelaksanaan KK adalah sama seperti kaedah sedia ada yang dipraktikkan kepada calon yang memperbaiki keputusan empat mata pelajaran STPM
 - 5.3.10 Yuran asas dan yuran mata pelajaran adalah sama seperti yuran pendaftaran STPM sedia ada
 - 8.3.11 Pendaftaran untuk memperbaiki keputusan STPM dengan menggunakan kaedah ini akan dilaksanakan pada tahun 2023 bagi kohort STPM 2022

- 8.3.12 Bagi pilihan 2, kaedah ini hanya boleh digunakan sekali sahaja, iaitu pada **tahun berikutnya sebaik sahaja** keputusan keseluruhan STPM diumumkan
- 8.3.13 Penerimaan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap permohonan kemasukan calon yang menggunakan keputusan STPM melalui kaedah ini (tampal) adalah **tertakluk kepada penerimaan IPT sendiri dan di luar bidang kuasa Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)**
- 8.3.14 Kaedah pelaksanaan ini juga boleh dirujuk dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM** yang boleh dimuat turun daripada portal MPM www.mpm.edu.my dan kaedah ini akan dilaksanakan mulai STPM Tahun 2022

9 Pembetulan Maklumat

- 9.1 Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon diingatkan bahawa sebarang pindaan atau pembetulan maklumat hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya dua minggu** selepas tarikh LPKC dimuat naik pada **Semester 1** melalui portal MPM. Caj **RM50.00** akan dikenakan jika pembetulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut. (Rujuk tarikh LPKC dimuat naik dalam portal MPM)
- 9.2 Mulai kohort STPM 2024, pembetulan maklumat hanya boleh dilakukan pada **Semester 1** sahaja **kecuali** kepada calon sekolah swasta dan calon persendirian individu yang membuat pendaftaran pada Semester 2.
- 9.3 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, iaitu telah **melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh LPKC Semester 1 dimuat naik** melalui portal MPM, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan, calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas maklumat yang hendak dibetulkan. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembetulannya di dalam **Buku Rekod Pengawasan**. Walau bagaimanapun MPM hanya akan membuat pembetulan tersebut selepas MPM menerima bayaran sebanyak **RM50.00** bagi pembetulan maklumat.
- 9.4 Permohonan pembetulan maklumat hendaklah dibuat menggunakan **Borang Pembetulan Maklumat** berserta dengan bayaran(u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) **dihantar terus ke MPM. RM50.00** dalam bentuk Kiriman Wang atau *bank draft atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia* dan borang tersebut boleh dimuat turun melalui portal MPM.
- 9.5 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran (STPM/PP)** semasa proses pendaftaran dilaksanakan.
- 9.6 Pembetulan maklumat ini melibatkan pembetulan **ejaan nama dan nombor kad pengenalan** sahaja.
- 9.7 Permohonan pembetulan maklumat ini hendaklah diuruskan oleh SUP ke MPM **selewat-lewatnya satu bulan selepas LPKC Semester 1 dimuat naik**.

10 Pusat Peperiksaan STPM

- 10.1 Senarai pusat peperiksaan bagi sesebuah negeri akan ditentukan oleh **Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan** (SPP, JPN) yang berkenaan. Semasa mendaftar, calon hendaklah memilih pusat peperiksaan yang mana calon bercadang hendak mengambil peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, SPP, JPN berhak memindahkan/menumpangkan calon ke pusat peperiksaan di daerah atau di bandar yang berhampiran.
- 10.2 SPP, JPN juga boleh menutup sesuatu pusat peperiksaan jika bilangan calon dipusat tersebut terlalu kecil atau tidak ekonomik. Calon di pusat tersebut akan dipindahkan ke pusat lain yang menawarkan mata pelajaran yang diambil oleh calon.

11 Jadual Waktu Peperiksaan STPM

- 11.1 Jadual waktu peperiksaan boleh dirujuk dan dimuat turun daripada portal MPM semasa pendaftaran bagi sesuatu peperiksaan dibuka.
- 11.2 Peperiksaan bertulis akan diadakan pada setiap akhir semester, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab (ULBA) akan diadakan pada Semester 3, peperiksaan kertas melukis bagi Seni Visual akan diadakan pada Semester 2. Ujian Hafazan Lisan (Syafawi) diadakan sebanyak dua kali pada setiap Semester 1, Semester 2, dan Semester 3.
- 11.3 Waktu yang diperuntukkan kepada tiap-tiap kertas soalan adalah mengikut waktu dalam sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan. Waktu untuk membaca soalan adalah termasuk waktu menjawab. Calon diminta berada 15 minit awal di dalam bilik/dewan peperiksaan sebelum peperiksaan bermula. (Sila rujuk Jadual Waktu Peperiksaan dalam portal MPM).
- 11.4 Kertas yang terlibat dengan pertembungan perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama. Calon yang terlibat dengan pertembungan waktu peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Ketua Pengawas akan memaklumkan calon tentang waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu. Dalam kes ini, waktu rehat calon akan diubah suai oleh Ketua Pengawas.
- 11.5 Calon **tidak** dibenarkan membawa masuk Jadual Waktu Peperiksaan, buku, nota, kertas, telefon bimbit, atau peralatan lain yang tidak dibenarkan ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

12 Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM

- 12.1 Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah menggunakan borang STPM/K14 dan dikemukakan ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) **tidak** lewat dari **sebulan** sebelum hari pertama peperiksaan STPM bermula. **Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.**
- 12.2 Calon yang lewat membuat permohonan berpindah pusat peperiksaan, iaitu **kurang daripada sebulan** sebelum peperiksaan maka tukar pusat tersebut hanya akan dibuat dalam semester berikutnya.

- 12.3 Pindah pusat peperiksaan hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah, dan bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan jika **permohonan dikemukakan selepas pendaftaran ditutup** bagi sesuatu semester.
- 12.4 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dinasihatkan **memilih sekolah yang mempunyai mata pelajaran yang sama** dengan yang telah didaftarkan bagi memudahkan pengendalian KK calon.
- 12.5 Perpindahan pusat peperiksaan akan diluluskan sekiranya pusat tersebut menawarkan mata pelajaran yang telah didaftarkan oleh calon.
- 12.6 Calon yang telah menduduki peperiksaan semester 1 di sekolah lama , apabila berpindah ke sekolah baharu dan tiada sekolah di kawasan tersebut yang menawarkan mata pelajaran yang telah diduduki semasa semester 1, maka SUP sekolah baharu hendaklah membuat permohonan mata pelajaran luar pakej untuk calon tersebut ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan memberi salinannya kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan)
- 12.7 Calon yang **telah diluluskan** perpindahan pusat peperiksaannya **mestilah** menduduki peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran **yang baharu**. Maklumat terkini akan tercatat pada LPKC semester yang berkenaan.
- 12.8 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi **di sekolah calon yang baharu** hendaklah membuat permohonan tentang perpindahan pusat kepada MPM bagi calon yang berpindah ke sekolah tersebut menggunakan borang STPM/K14 dan memberi salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan). Permohonan ini hendaklah dibuat **selewat-lewatnya dalam tempoh satu bulan selepas calon berpindah ke sekolah baharu**.

13 Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM

- 13.1 Yuran peperiksaan calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan STPM **tidak** akan dikembalikan.

Kecuali bagi kes yang berikut:

- (a) Calon yang sakit berpanjangan. Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan.
- (b) Calon yang meninggal dunia. Salinan surat perakuan/Sijil Kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau warisnya kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**)
- (c) Calon yang berjaya menyambung pelajaran ke IPTA/IPTS. Salinan surat tawaran hendaklah disertakan sebagai bukti.
- (d) Atas sebab yang munasabah, tertakluk kepada keputusan MPM.

- 13.2 Calon/Waris yang ingin menuntut pengembalian yuran STPM hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis melalui, kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) berserta dengan slip pembelian PIN MEC atau resit pembelian *bank draft*/kiriman wang yang digunakan untuk pendaftaran.
- 13.3 Jumlah yuran yang dikembalikan akan ditentukan oleh MPM dan yuran hanya akan dikembalikan selepas sesuatu sesi peperiksaan itu tamat.

14 Penangguhan Peperiksaan STPM

- 14.1 Calon yang ingin menangguhkan peperiksaan STPM pada Semester 1 dan Semester 2 (kecuali peperiksaan Semester 3 dan Ulangan) hendaklah mengemukakan permohonannya **secara bertulis kepada Ketua Eksekutif, MPM** dengan memberikan sebab yang munasabah beserta bukti kepada MPM selewat-lewatnya **sebulan sebelum tarikh peperiksaan** tersebut bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- 14.2 Calon yang diluluskan oleh MPM untuk menangguhkan peperiksaan pada Semester 1 atau Semester 2 hendaklah menduduki peperiksaan Ulangan 1 atau Ulangan 2 peperiksaan STPM pada Semester 3 tahun yang sama. **Tiada Penangguhan** untuk peperiksaan Semester 3 (calon **mesti** menduduki peperiksaan Semester 3).
- 14.3 Calon diberi peluang untuk memohon penangguhan peperiksaan Semester 1 atau Semester 2 bagi perkara-perkara yang berikut;
- Calon sakit berpanjangan
 - Calon sakit kritikal
 - Calon yang mempunyai sebab yang munasabah; tertakluk kepada keputusan MPM.
- 14.4 Calon tidak boleh menangguhkan peperiksaan Semester 3, Ulangan 1 dan Ulangan 2.
- 14.5 Bagi calon jenis 1 dan jenis 7 yang ingin menangguhkan tahun persekolahan/peperiksaan, calon hendaklah mendapatkan kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. **Bahagian Pengurusan Sekolah**) melalui sekolah mengenai kemasukan semula ke Tingkatan 6 bagi tahun penangguhan.
- 14.6 Bagi calon jenis 2 dan jenis 3 yang ingin terus menangguhkan tahun peperiksaan STPM, calon hendaklah mendapatkan kelulusan dari MPM dan perlu membuat bayaran asas sebanyak **RM120.00** dalam bentuk kiriman wang beserta salinan surat kelulusan tersebut semasa membuat pendaftaran baharu. Bayaran tersebut perlu dihantarkan terus ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) semasa pendaftaran baharu (tahun semasa) dibuka.

15 Penyakit Berjangkit

Calon yang menghidap sebarang penyakit berjangkit pada dasarnya **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan. Jika dibenarkan, calon akan mengambil peperiksaan di bilik yang berasingan. Calon hendaklah memaklumkan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) secara bertulis tentang penyakit berjangkit yang di alami dengan kadar segera.

16 Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK)

- 16.1 Bagi calon berkeperluan pendidikan khas (buta, rabun, spastik, autisme, sengau, bisu, pekak, dan lain-lain), **permohonan awal** diperlukan supaya keperluan persediaan khas bagi calon berkenaan dapat diadakan. Pengetua sekolah/calon persendirian individu dikehendaki mengemukakan [**Borang STPM/K13 (pindaan 2006)**] berserta dengan dokumen sokongan MPM dan salinan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) **selewat-lewatnya satu minggu** selepas tarikh tutup sesuatu pendaftaran.
- 16.2 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas untuk diberikan kepada seseorang calon sekolah yang prestasi peperiksaannya mungkin terjejas disebabkan oleh musibah penyakit yang baharu dihidapinya atau musibah/kemalangan yang menimpa dirinya. Permohonan boleh dibuat secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan kepada MPM **selewat-lewatnya sehari** selepas tarikh akhir peperiksaan bertulis.
- 16.3 Pengetua sekolah/Ketua Pengawas boleh memohon untuk mendapatkan jurutulis pindah (Pengawas tambahan) bagi calon yang tidak dapat menulis sendiri akibat kecederaan. Bagi calon yang menggunakan perkhidmatan jurutulis pindah (Pengawas tambahan), skrip jawapan calon perlu dihantar bersama pita/CD rakaman jawapan calon. SPP, JPN perlu memaklumkan kepada MPM dengan kadar **SEGERA** secara bertulis beserta dengan bukti dokumen sokongan tentang perkara ini.
- 16.4 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas bagi calon-calon berkeperluan pendidikan khas, sekiranya calon menghadapi masalah untuk melaksanakan KK. MPM akan mempertimbangkan permohonan tersebut mengikut kes.
- 16.5 Pihak sekolah hendaklah menulis dengan jelas keperluan khas yang diperlukan oleh calon semasa mengisi borang **STPM/K13**.

17 Kerja Kursus (KK) STPM

- 17.1 KK bagi mata pelajaran berkenaan merupakan komponen yang **wajib** diambil oleh setiap calon. Kegagalan calon menjalankan KK atau menghantar KK pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan calon mendapat keputusan kod **X** pada kertas dan mata pelajaran tersebut.

- 17.2 KK terdiri daripada **lima** bentuk KK, iaitu kertas projek, kajian lapangan, amali sains, amali sains sukan, dan ujian syafawi. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam KK adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 17.3 Manual KK bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada semester yang menawarkan KK **walau bagaimanapun** Manual KK bagi mata pelajaran Perakaunan, *Mathematics (Management)*, *Mathematics (Technical)*, *Information and Communication Technology*, *Physics*, *Chemistry*, *Biology* dan Sains Sukan yang dimuat turun pada Semester 1.
- 17.4 Sekiranya guru KK bagi sesuatu mata pelajaran bersara atau sakit berpanjangan dan tidak ada pengganti, maka Pengetua Sekolah hendaklah memaklumkan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) dengan kadar SEGERA.
- 17.5 Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM, boleh memilih sama ada hendak melaksanakan KK atau tidak melaksanakannya. (Rujuk 7.4)
- 17.6 Soalan Tema KK boleh dimuat turun pada semester yang menawarkan Kerja Kursus melalui portal MPM.
- 17.7 Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK) hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada MPM dengan kadar segera jika menghadapi masalah untuk melaksanakan KK.

18 Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan 1 dan Ulangan 2)

- 18.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu semester untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian pada semester yang berikutnya.
- 18.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis Semester 1 dan/atau peperiksaan bertulis Semester 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **Semester 3 sahaja bagi kohort yang sama**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi semester yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 18.3 Keputusan peperiksaan semester yang terbaik akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan peperiksaan ulangan.
- 18.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu semester akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas. Calon hendaklah membeli PIN MEC untuk mendapatkan nombor mendaftar peperiksaan ulangan.
- 18.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi KK dan juga peperiksaan kertas alternatif bertulis yang menggantikan KK serta kertas bertulis Semester 3.
- 18.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan semester dengan alasan yang **tidak munasabah** dan calon yang **disabitkan** dengan kes salah laku, **tidak** dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan. Ini kerana tujuan asas peperiksaan ulangan adalah untuk memperbaiki keputusan peperiksaan semester yang telah diduduki.

- 18.7 Calon yang tidak dapat hadir dalam peperiksaan semester dengan alasan yang munasabah hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dengan **kadar segera** sebelum/selepas sesuatu peperiksaan semester itu bermula/tamat. **Bukti sokongan** juga hendaklah disertakan bersama dengan surat permohonan untuk menduduki peperiksaan ulangan. Caj sebanyak **RM50.00** per kertas akan dikenakan.
- 18.8 Calon yang hendak menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**, akan dikenakan caj sebanyak RM50.00. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk kiriman wang/wang pos atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Calon yang ingin menukar mata pelajaran **sebulan selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan**.
- 18.9 Calon **WAJIB** membeli PIN MEC apabila pendaftaran dibuka dan membuat pendaftaran dalam tempoh pendaftaran dibuka.
- 18.10 Calon yang telah membeli PIN MEC Ulangan 1 atau Ulangan 2 hendaklah membuat pendaftaran dalam tempoh pendaftaran dibuka. MPM **tidak** akan menerima pendaftaran calon **1 bulan selepas tarikh tutup pendaftaran** Ulangan 1 dan Ulangan 2 dan **PIN MEC itu juga tidak boleh digunakan lagi termasuk sebagai bayaran calon bantahan serta wang pembelian PIN MEC tersebut tidak akan dipulangkan**.

19 Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester

- 19.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dibuka secara dalam talian dengan membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional atau secara dalam talian (<http://mypay.dapat.com.my/web/mpm>). Maklumat lanjut berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 19.2 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas.
- 19.3 Rayuan penyemakan semula hanya boleh dipohon secara dalam talian sahaja.
- 19.4 Sekolah yang membuat permohonan untuk menyemak semula keputusan peperiksaan semester semua calon mereka bagi satu kertas peperiksaan dikehendaki membayar RM50.00 bagi setiap calon (**Contoh: Calon sekolah yang menduduki peperiksaan kertas Pengajian Am 1 ialah seramai 100 orang. Jumlah yang perlu dibayar oleh pihak sekolah bagi menyemak keputusan peperiksaan kertas Pengajian Am 1 sekolah tersebut ialah 100 orang x RM50.00 = RM5000.00**). Bayaran hendaklah dikemukakan dalam bentuk kiriman wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**)
- 19.5 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK, dan kertas peperiksaan ulangan**.
- 19.6 Cara penyemakan semula keputusan peperiksaan semester adalah seperti yang berikut:
- (a) Menyemak penghitungan markah dan ketepatan gred yang diberikan bagi sesuatu kertas dan mata pelajaran

(b) Memeriksa semula skrip jawapan calon oleh pemeriksa yang sangat berpengalaman

19.7 Keputusan penyemakan semula akan dimaklumkan kepada calon melalui portal MPM.

19.8 Keputusan penyemakan semula yang dibuat oleh MPM adalah **muktamad**.

20 Pembetulan Markah KK STPM (Rujuk Buku Garis Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian Kerja Kursus)

20.1 **Markah KK** hendaklah dihantar ke MPM secara dalam talian melalui *e-submission* mengikut tarikh yang telah ditetapkan. MPM akan memuat naik markah KK dalam portal MPM untuk **semakan guru mata pelajaran. Dua minggu selepas tarikh akhir e-submission (November hingga Disember)** markah KK ditutup, Permohonan pembetulan markah KK (jika ada) boleh dibuat kepada MPM dalam tempoh satu bulan dari tarikh muat naik tersebut dengan menyertakan evidens calon terlibat. Markah KK mesti berdasarkan maklumat dalam Borang Markah Kerja Kursus (BRUMKK) yang telah dihantar lebih awal ke MPM.

20.2 **Tiada lagi** pembetulan markah KK selepas keputusan **peperiksaan Semester 3** dan keputusan **KK** dimuat naik ke portal MPM. Keputusan adalah muktamad.

21 Sijil STPM

21.1 Sijil STPM akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 17.5 pada halaman 20 Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2024). Sijil STPM akan di serahkan kepada calon melalui sekolah (bagi calon jenis 1, 2, 7, dan 8) dan kepada SPP,JPN di negeri masing-masing (bagi calon jenis 3) **selewat-lewatnya pada 2 bulan selepas keputusan peperiksaan**.

21.2 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan boleh mendapatkan sijil STPM mereka di sekolah masing-masing.


21.3 Calon calon persendirian individu hendaklah mengambil sijil STPM mereka di SPP,JPN di negeri masing-masing, bagi calon sekolah swasta/institusi boleh mendapatkan di sekolah atau institusi masing-masing.

21.4 Calon diberi tempoh 24 bulan (2 tahun) untuk mengambil sijil STPM masing-masing daripada pihak sekolah (bagi calon sekolah jenis 1, 2, 7, dan 8) dan daripada SPP,JPN di negeri masing-masing (bagi calon jenis 3) . Selepas tempoh tersebut, pihak sekolah atau SPP,JPN akan mengembalikan sijil STPM yang tidak dituntut kepada MPM. Calon yang ingin mendapatkan sijil STPM selepas tempoh tersebut hendaklah berurusan terus dengan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.

- 21.5 Sijil STPM hanya dikeluarkan **sekali sahaja**, selepas keputusan keseluruhan peperiksaan STPM diumumkan. Calon yang kehilangan sijil STPM hanya boleh memohon untuk mendapatkan **salinan sijil STPM** sahaja. Permohonan ini hendaklah disertai dengan maklumat calon, seperti **nama penuh, nama sekolah** (jika ada), **tahun peperiksaan diambil, nama pusat peperiksaan, nombor kad pengenalan, dan angka giliran**.
- 21.6 Caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap permohonan mendapatkan **salinan sijil STPM**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 21.7 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan bahan yang berikut:
- (a) Surat permohonan transkrip sijil STPM yang menyatakan alamat universiti dalam/luar negara yang dipohon
 - (b) Salinan slip keputusan STPM atau salinan sijil STPM
 - (c) Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM50.00** bagi setiap transkrip sijil STPM hendaklah dibuat secara kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 21.8 Transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris akan dihantar terus oleh MPM kepada universiti/institusi yang berkenaan. Salinan transkrip sijil STPM dan salinan surat tentang penghantaran transkrip tersebut kepada universiti/institusi berkenaan akan dihantar kepada calon.
- 21.9 Calon yang ingin mendapatkan transkrip siji STPM perlu melengkapkan borang **MPM/S4** yang boleh dimuat turun daripada portal MPM dan menghantar ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) berserta bayaran sebanyak **RM 50.00** .
- 21.10 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.

Nota: Untuk keterangan lanjut sila rujuk Buku Peraturan dan Skema Peperiksaan (Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM ini digunakan mulai STPM tahun 2024) di portal MPM.

HALAMAN KOSONG



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah *MUET on Demand* (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment, United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan *The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor, Darul Ehsan
www.mpm.edu.my
0361261600
0361367329
Edisi Mac 2022
psm@mpm.edu.my
norsana@mpm.edu.my
adnan_ahmad@mpm.edu.my